

19 AUG 1996

Mahathir-Singapura

SINGAPURA PERLU SANGGUP AMBIL KIRA SITUASI DI MALAYSIA

KUALA BERANG, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemungkinan berlakunya kemasukan semula Singapura ke dalam gagasan Malaysia tidak boleh ditolak tetapi republik itu mestilah terlebih dahulu sanggup mengambil kira situasi yang ada di negara ini.

Katanya, dulu Singapura mengambil keputusan berpisah dari Malaysia (pada tahun 1965) kerana pemimpin-pemimpin pulau bandaraya itu gagal akur dan mengambil kira situasi-situasi yang ada di gagasan yang terbentuk pada 1963 itu.

"Faktor-faktor seperti kedudukan kaum-kaum tertentu dalam pelbagai aspek mestilah diambil kira jika republik itu mahu kembali ke dalam gagasan Malaysia," katanya pada persidangan berita semasa mengakhiri lawatannya ke Tasek Kenyir Golf Resort, 40km dari sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong semalam tentang kemungkinan republik itu bersatu semula dengan Malaysia jika ekonominya tidak lagi mampu bersaing.

Idea penyertaan semula Singapura ke dalam Malaysia dicetuskan Menteri Kanan negara itu Lee Kuan Yew dalam satu temubual dengan media massa beberapa bulan lepas.

Dr Mahathir berkata pendirian lama Singapura yang mahu wujudnya sebuah "Malaysian Malaysia" tidak boleh diterima dalam situasi komposisi kaum yang ada di negara ini.

Katanya, ia tidak betul kerana masalah kaum ada di mana-mana termasuk di Singapura sendiri yang jelas menampakkan betapa orang Melayu disisih sehingga tidak berpeluang menjadi juruterbang umpamanya, seolah-olah mereka tidak mempunyai kemampuan dan kebolehan.

Mengenai kenyataan Goh bahawa penyatuan semula itu adalah berasaskan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Apakah dia syarat-syarat Malaysia itu? Ini kita mestilah faham terlebih dahulu kemudian barulah boleh kita bercakap soal penyatuan semula itu."

Katanya perbincangan berhubung perkara itu mungkin akan berlangsung juga pada satu hari kelak tetapi ia bergantung kepada "mood" yang ada.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata pengusaha-pengusaha kecil industri pelancongan patut menyertai pengusaha-pengusaha yang lebih besar dalam bentuk pemilikan saham bagi menjamin pulangan yang lebih baik.

Beliau berkata tidak ada guna bagi pengusaha kecil membina calet atau hotel yang serba kekurangan dan hanya mampu menarik pelancong seperti "hipi" kerana negara tidak memerlukan pelancong seumpama itu.

"Kita kini berada dalam satu era yang mementingkan pelaburan secara besar-besaran bagi menjamin mutu dan kesempurnaan," katanya.

Dr Mahathir kagum dengan kepesatan pembangunan industri pelancongan di Tasik Kenyir dan menyifatkan kewujudan Tasik Kenyir Golf Resort yang diselenggarakan oleh Hicom Leisures Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom, sebagai bukti nyata bahawa industri itu boleh berkembang tanpa merosakkan alam semula jadi.

Dr Mahathir, yang tiba di resort itu semalam, pagi ini meninjau pembinaan padang golf 18 lubang yang dikendalikan oleh Perspec Prime (M'sia) Sdn Bhd, sebuah lagi anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom di Pulau Pupi tidak jauh dari pusat peranginan itu.

Perdana Menteri dengan diiringi Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Tan Sri Yahya Ahmad juga meninjau ke beberapa kawasan di sekeliling tasik itu dengan memandu sendiri

sebuah bot laju yang disediakan.
-- BERNAMA
AM AKD